

Tiada kompromi isu curi pasir: MB

SHAH ALAM - Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim menegaskan, beliau memberi kuasa kepada pejabat daerah untuk merampas tanah jika pemiliknya membiarkan tanah milik mereka yang dicerobohi.

Abdul Khalid turut memberi jaminan bahawa pegawai daerah dan juga Kumpulan Semesta Sendirian Berhad (KSSB) akan memastikan sindiket curi pasir dan pencerobohan itu dihentikan.

"Saya ingin ingatkan kepada pemilik tanah kalau pencurian pasir itu

dibuat di atas tanah persendirian saya telah berikan kuasa kepada pejabat daerah untuk mengeluarkan notis perampasan tanah. Ini supaya pemilik tanah bertanggungjawab memastikan tanah milik mereka tak di ceroboh.

"Penahanan jentolak juga akan dibuat untuk tempoh yang panjang bagi memastikan ia tidak akan digunakan lagi," katanya ketika pada sidang media, di Dewan Jubli Perak Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, semalam.

Sebelum ini Pengerusi Umno Selangor, Datuk Seri Noh Omar

mempertikaikan tindakan kerajaan negeri yang tegas membanteras perbuatan penduduk meneroka tanah kerajaan, namun tidak mepedulikan kegiatan curi pasir.

Noh turut mempersoalkan peranan dan tanggungjawab petugas khas Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) yang dilantik Kerajaan Negeri Selangor untuk membanteras penyelewengan pasir didakwa tidak berperanan sewajarnya.

Katanya, tiada tindakan dilaksanakan kerajaan negeri meskipun pendedahan sudah dibuat sebelum ini.